



ZULKIPLE ABDUL GHANI (kiri) menyerahkan watikah Sekolah Angkat USIM kepada Guru SMKA Tun Ahmadshah, Kota Kinabalu, Sabah, Siti Zainab Bakar dalam Majlis Penyerahan Watikah Sekolah Angkat USIM, Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Enam sekolah dipilih sekolah angkat USIM

SEREMBAN 22 Feb. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai memperluaskan jalinan strategik dengan memilih enam buah sekolah sebagai Sekolah Angkat USIM.

Pengumuman rasmi dan penyerahan watikah kepada sekolah terlibat yang dilakukan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Profesor Dr. Zulkiple Abdul Ghani, menunjukkan komitmen untuk memperkasakan pendidikan dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Sekolah yang terpilih itu ialah Sekolah Menengah Agama Sultan Ismail, Dungun, Terengganu; Sekolah Menengah Persekutuan Bentong, Pahang; Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Ahmadshah, Kota Kinabalu, Sabah; Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tuanku Muhammad, Kuala Pilah, Negeri Sembilan; SMK Taman Tunku Jaafar, Negeri Sembilan dan Sekolah Kebangsaan KLIA, Sepang, Selangor.

Menurut Zulkiple, pemilihan sekolah angkat baharu itu merupakan sebahagian dari program khas yang diwujudkan oleh USIM iaitu Program Sekolah Kluster dan Sekolah Angkat USIM yang diurusetikan

oleh Pusat Tamhidi USIM.

“Sehingga kini, USIM telah mengiktiraf sebanyak sembilan buah sekolah kluster dan 21 buah sekolah angkat menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 30 buah sekolah setakat ini,” katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Tambahnya lagi, sekolah kluster itu adalah di bawah kategori Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) yang diamanahkan oleh Kementerian Pendidikan kepada institusi pengajian tinggi awam terpilih termasuk USIM untuk memainkan peranan sebagai mentor.

“Manakala sekolah angkat pula dipilih berdasarkan kriteria tertentu yang telah ditetapkan oleh pengurusan universiti.

“USIM dan sekolah kluster dan angkat berkongsi aspirasi yang sama iaitu untuk membawa Pendidikan Islam ke arus perdana pendidikan.

“Pelajarnya merupakan yang terpilih dan cemerlang dari segi akademik, kokurikulum dan kebitaraan yang tersendiri. Mereka secara tidak langsung merupakan calon pelajar berpotensi ke USIM sama ada ke Program Tamhidi (Pra-Universiti) dan Ijazah Sarjana Muda,” kata Zulkiple.